

Exco KESUMBA UMS Kunjungi UMSKAL

Terakhir dikemaskini: Rabu, 29 Januari 2020 16:10 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 33

[Kongsi 0](#)

[Syorkan 0](#)

[Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



RABU, 29 JANUARI - Seramai 11 Exco Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita (KESUMBA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan lawatan rasmi ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Rombongan Kesumba UMS itu diketuai oleh Yang Dipertuanya, Datin Amalina Abdullah yang turut diiringi Naib Canselor UMS, Prof Datuk ChM. Dr Taufiq Yap Yun Hin.

Sempena program tersebut, Yayasan Buruj yang diwakili Pengerusinya, Haji Idris Omar dan isteri Maziyah Haji Hassan menyampaikan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada Kesumba yang diwakili Datin Amalina pada majlis sarapan pagi di Dewan Theatre.

Pada majlis itu, Datin Amalina yang diiringi Pengerusi Kesumba UMSKAL, Hayati Salleh Baihaki melancarkan 'Food Bank' yang akan ditempatkan di Kesumba Café, Aras 11, untuk kemudahan pelajar kampus tersebut.

Ahli rombongan Kesumba itu turut mengadakan lawatan ke Pusat Pengembangan Autisme Labuan yang terletak di UMSKAL dan mendengar taklimat daripada Pengarah Pusat Perkembangan Autisme Labuan, Shafry Mohd Sarif.

Sempena program Kesumba itu, Yayasan Buruj yang diwakili Pengerusinya, Haji Idris Omar dan isteri Maziyah Haji Hassan menyampaikan sumbangan wang tunai sebanyak RM1,000 kepada Pusat Perkembangan Autisme Labuan.

Sementara itu, di Taman Asuhan Kanak-Kanak Permata Kemas UMSKAL, Datin Amalina menyerahkan sumbangan berupa alat bantu mengajar (ABM) dan buku-buku kepada Pengerusi Taska UMSKAL, Ustaz Khairul Isham Abdul Latif.

Turut mengiringi lawatan rombongan Kesumba UMS itu ialah Pengarah UMSKAL, Prof Dr Murnizam Haji Halik yang juga Penasihat Kesumba UMSKAL dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Datin Amalina berkata lawatan julung kalinya ke UMSKAL itu bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara Exco Kesumba UMS dengan ahli-ahli Kesumba UMSKAL.

Katanya, mereka juga berpeluang mengadakan lawatan ke Pusat Perkembangan Autisme Labuan dan Taman Asuhan Kanak-Kanak Permata Kemas UMSKAL.

Beliau berharap hubungan baik antara Exco Kesumba UMS dengan ahli-ahli Kesumba UMSKAL akan terus terjalin bagi memudahkan kedua-dua pihak mengadakan pelbagai program khususnya untuk ahli-ahlinya.

“Kesumba mensasarkan kira-kira 1,000 ahli di Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan dalam tempoh dua tahun akan datang.

“Saya berharap isteri kakitangan juga akan menjadi ahli Kesumba UMS kerana banyak manfaat bakal diperolehi oleh mereka,” katanya.

Datin Amalina tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Buruj yang membantu menambah dana Kesumba.

Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan kepada Hayati atas sumbangan beliau sebagai Pengerusi Kesumba UMSKAL sejak 2015.

Sumber: Azri Onn